



**JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 6/2/2009**

USTAZ MOHD AMIRUDIN BIN AHMAD - IMAM 2

USTAZ HAJI AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL 1

**(Tajuk Khutbah : Menginsafi Perbicaraan Di Mahsyar**

**JADUAL SOLAT HARI INI**

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
6.06	7.25	1.27	4.48	7.27	8.38	5.55

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

**Bil. 6/2009**

**Tarikh: 6 Februari 2009 / 10 Safar 1430H**

**PERCUMA**

*Tazkirah*

# **RAHSIA LUQMAN AL-HAKIM DALAM MENDIDIK ANAK**

## **Kehidupan Berkeluarga Luqman Al-Hakim**

Luqman adalah seorang pemuda bijak yang zuhud dalam urusan dunia. Beliau tidak mempunyai perhatian dan tidak memandang sedikit pun terhadap urusan dunia. Ada yang mengatakan rumah Luqman itu buruk bahkan lebih buruk dari rumah ditinggalkan. Pernah suatu ketika Luqman ditanya mengenai rumahnya itu, ia cuma mengatakan, "Ini sudah terlalu banyak untuk orang yang akan mati." Ia menikah dan mempunyai beberapa orang anak, namun semuanya meninggal dunia.

Pada suatu ketika, ia berkunjung ke istana sultan dan juga mendatangi para hakim untuk memberi sumbangan fikirannya, mengambil pengajaran dan menguji kebijaksanaan. Dengan cara itulah, ia mendapatkan apa yang diperolehnya.

Ada yang mengatakan anak lelakinya itu kafir. Kerana itulah ia melarangnya untuk mendekati kemusyrikan. Allah menjelaskan dalam surah Luqman ayat 13 yang bermaksud, "...Anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah..." Ia tidak berhenti-henti menasihatinya anaknya itu sehingga ia menjadi Muslim. Menurut satu pendapat bagi hal yang sama juga terjadi kepada isterinya. Ada pula yang mengatakan anaknya itu beragama Islam. Larangan syirik yang disebutkan dalam Quran itu merupakan peringatan daripada Luqman mungkin sahaja kemusyrikan menggodanya di kemudian hari. Ia tidak berhenti-henti menasihati keduanya sehingga kedua-duanya benar-benar Islam secara benar.

'Al-Hasan Al-Bashir mengatakan, "Semasa Luqman berada di katilnya yang hanya cukup untuk sekadar tidurnya, anak lelakinya itu berada tepat di hadapannya.

Kemudian dia pun menemui ajalnya. Luqman menanggis. Anaknya pun bertanya, "Ayah, apa yang membuatmu menangis?"

Banyak pesan Luqman yang ditujukan untuk anaknya. Semua pesan itu menjelaskan betapa lembutnya kasih sayang seorang ayah kepada anaknya. Keinginan yang besar anaknya juga boleh meniti jalan lurus supaya dapat menjadi manusia paling utama.

Ath-Thabari dan Al-Qutaibi menyebut nama anaknya itu Taran. Ada pula yang mengatakan namanya adalah Matsan. Ada beberapa nama lain yang disebutkan seperti An'am, Asykam dan Musykam.

Ibnu Abiddunya dalam Na't Al-Kha'ifin melaporkan daripada AlFadhurraqqasy yang mengatakan, "Luqman tidak berhenti-henti menasihati anak lelakinya sehingga ajal menjemputnya.

"Ibnu Abidudnya juga melaporkan daripada Hafsh bin Umar Al-Kindi yang berkata, "Setiap kali menasihati anak lelakinya, Luqman selalu meletakkan biji sawi di poketnya. Pada masa itu, keluarlah satu biji sawi. Biji sawi itu terus berkembang menjadi sawi."

Luqman berkata kepada anaknya, "Anakku, aku menasihatimu dengan nasihat yang sekiranya aku nasihatkan pada sebuah gunung maka gunung itu akan hancur berkecai-kecai." Ia memang benar yang nasihat itu juga membuat hati anak lelakinya hancur berkecai-kecai.

Dilaporkan daripada Abdullah bin Dinar, "Suatu ketika Luqman tiba dari suatu perjalanan yang jauh. Pada masa itu beliau menemui pembantunya di jalan. Luqman bertanya kepada pelayannya itu, 'Bagaimana keadaan ayahku?' Pembantunya menjawab, ayah anda



# HIMPUNAN KISAH TELADAN PARA NABI & RASUL UNTUK PUTERA-PUTERI MUSLIM



Sambungan dari minggu lepas

## Nabi Sulaiman a.s.

### 1. Kekuasaan Nabi Sulaiman a.s.

Kekuasaan Nabi Sulaiman telah melebihi ayahnya, Nabi Daud. Nabi Sulaiman telah memenuhi bumi dengan keadilan. Pada zaman pemerintahannya, negeri Palestin sudah bersih dari musuh-musuh Bani Israel yang gagah perkasa. Kekuasaan Nabi Sulaiman tidak hanya pada manusia, melainkan meluas pada makhluk-makhluk yang lain.

Allah S.W.T. telah menundukkan kepadanya jin dan angin. Allah S.W.T. telah memberinya ilmu untuk berbicara dengan burung dan haiwan-haiwan lain. Anugerah dan kenikmatan yang banyak ini merupakan

berkat dari doa Nabi Sulaiman yang dikabulkan Allah S.W.T. Ketika itu Nabi Sulaiman berdoa:

*"Ya Tuhanku, ampunilah aku dan anugerahkanlah kepadaku kerajaan yang tidak dimiliki oleh seorang jua pun sesudahku, sesungguhnya Engkaulah yang Maha Pemberi."*

(Sad: 35)

Nabi Sulaiman adalah orang yang tahu bersyukur kepada Tuhannya. Oleh sebab itu, dia mensyukuri semua nikmat dan anugerah yang telah diberikan Allah S.W.T. kepadanya. Dia tahu semua pemberian itu hanyalah ujian dan cubaan dari Allah S.W.T.

### 2. Nabi Sulaiman dan Semut

Pada suatu hari, Nabi Sulaiman bersama tenteranya

*Bersambung di m/s 3 >>>*

<< sambungan dari m/s 1

meninggal dunia.' Mendengar kematian ayahnya itu, Luqman mengatakan, 'Segala puji bagi Allah, Tuhan yang menguasai urusanku.' Lalu Luqman bertanya lagi, 'Bagaimana dengan ibuku?' Pembantu itu menjawab, 'Ia juga meninggal dunia.' Mendengar kematian ibunya itu, Luqman mengatakan, 'Hilanglah kesedihanku.' Luqman pun bertanya lagi, 'Bagaimana keadaan isteriku?' Pembantu menjawabnya, 'Ia juga meninggal dunia.' Mendengar kematian isterinya itu, Luqman pun bertanya lagi, 'Bagaimana dengan saudara perempuanku?' Pembantunya menjawab, 'Ia juga meninggal dunia.' Mendengar itu, Luqman berkata, 'Engkau menutup cacatku.' Luqman bertanya lagi, 'Bagaimana dengan saudara lelakiku?' Pelayan itu menjawab, 'Ia juga meninggal dunia.' Mendengar itu, Luqman berkata, 'Putuslah punggung dan patah pula sayapku.' Luqman bertanya lagi, 'Bagaimana dengan anak lelakiku?' Pelayan itu menjawab, 'Dia pun meninggal dunia.' Mendengar itu, Luqman berkata, 'Retaklah hatiku.'

Susah untuk mendapat kebenaran cerita ini kecuali jika waktu itu terjadi bencana alam seperti tenggelam, kebakaran atau gempa bumi. Kesan yang kuat daripada cerita ini adalah cerita ini mempunyai bahasa yang simbolik. Ini untuk menjelaskan posisi individu masing-masing yang terkena musibah. Dengan demikian, ini tidak menimbulkan penyelewengan pemahaman.

### Nasihat Luqman Al-Hakim kepada Anaknya

Menurut Ibnu Katsir, Luqman mempunyai sebuah kitab yang kemudian dikenali sebagai *Hikmah Luqman*

atau *Mijallah Luqman*. Sementara menurut Ibnu Al-Atsir, bagi orang Arab setiap kitab itu dikenali majalah.

Kelihatan buku ini mengandungi hikmah yang maknanya luhur. Menurut beberapa ahli sejarah, buku ini ada di tangan mereka pada masa permulaan Islam.

Ibnu Ishaq menyebut semasa Rasulullah mendengar Suwaid bin Ash-Shamit datang ke Mekah bagi menunaikan haji atau umrah, beliau pun menyambutnya. Tujuannya tidak lain adalah untuk menyeru kepada Allah dan Islam. Mendengar seruan Nabi Muhammad, "Jangan-jangan apa yang ada padamu sama dengan apa yang ada padaku?" Kemudian nabi bertanya, "Apa yang ada padamu?" Dia menjawab, "Mijallah Luqman." Mendengar itu, Nabi berkata, "Tunjukkan padaku." Lantas Suwaid pun menunjukkan *Mijallah* itu kepada Nabi. Selepas melihatnya, Nabi berkata, "Apa yang tercantum di sini memang baik, namun apa yang ada padaku jauh lebih baik daripada ini. Iaitu Quran yang diturunkan Allah kepadaku. Ia merupakan petunjuk dan cahaya." Kemudian nabi membacakan Quran kepadanya dan menyerunya untuk masuk Islam, namun hal itu tidak mempengaruhinya. Pada masa itu, ia berkata, "Apa yang terdapat di *Mijallah* ini adalah lebih baik." Selepas itu, ia meninggalkan nabi dan kembali kepada kaumnya di Madinah. Tidak lama kemudian, suku Khazraj membunuhnya. Beberapa orang dari kaumnya memberi kesaksian, "Sesungguhnya kami melihat beliau terbunuh dalam keadaan Islam."

*Bersambung di minggu hadapan*

yang banyak jumlahnya keluar untuk memerangi musuh. Mereka berjalan memenuhi bumi sehingga kaki-kaki kuda yang mereka tunggangi menimbulkan kepulan habuk. Mereka melintasi jurang yang dalam. Tiba-tiba dalam jurang itu terdapat sekumpulan semut yang hampir tidak kelihatan. Semut-semut itu memberitahu kepada teman-temannya agar mereka memasuki sarang mereka yang berada di dalam tanah. Mereka khawatir jika dipijak oleh Sulaiman dan tenteranya. Hanya Nabi Sulaiman yang mendengar dan mengetahui pembicaraan semut-semut itu. Nabi Sulaiman menjadi tersenyum, lalu menghadapkan wajahnya ke arah langit dan menunjukkan rasa syukur kepada Allah S.W.T.

### 3. Haikal Nabi Sulaiman a.s.

Sebagai bentuk pengakuan atas anugerah yang diberikan Allah S.W.T. Nabi Sulaiman ingin membina tempat ibadah yang digunakan untuk menyucikan Allah S.W.T. dan menghadap kepada-Nya. Nabi Sulaiman inginkan bangunan tempat ibadah itu sangat besar dan indah yang tiada tandingannya. Untuk itu, dia mengerahkan ribuan seniman dan ahli bangunan. Dia mengeluarkan belanja yang sangat besar dan memerlukan waktu yang sangat panjang. Dia menginginkan agar tempat ibadah yang dibina itu menjadi salah satu keajaiban pada masanya.

### 4. Hudhud, Balqis dan Jin Ifrit

Nabi Sulaiman memerhati semua burung-burung. Kemudian dia berkata: "Mengapakah aku tidak melihat Hudhud? Ke manakah dia pergi? Aku akan memberi hukuman yang berat atau aku akan menyembelihnya jika dia melakukan kesalahan besar, kecuali dia mengemukakan alasan yang boleh diterima."

Hudhud datang. Dia berkata: "Aku datang dari negeri yang jauh, iaitu negeri Saba', Yaman. Tuanku, aku datang dari negeri itu dengan membawa berita yang sangat penting. Di sana aku menjumpai seorang wanita bernama Balqis, yang memerintah Sabah dan dia dianugerahi segalanya serta mempunyai singgahsana yang besar. Di sana aku melihat rumah-rumah dan peradaban yang besar. Namun penduduk negeri Sabah menyembah selain Allah S.W.T. iaitu menyembah matahari."

Nabi Sulaiman berkata: "Akan kami selidik lagi, apakah yang kamu beritakan itu memang benar atau tidak?" Kemudian dia menulis surat kepada Balqis dan rakyatnya. Di dalam surat itu, Nabi Sulaiman mengajak mereka agar beriman kepada Allah S.W.T. dan meninggalkan sesembahan selain Allah S.W.T. Nabi Sulaiman juga memberi peringatan bahawa jika mereka tidak mahu datang kepadanya sebagai orang-orang yang

# Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

## Pelajaran Tiga Ratus Sembilan Puluh Empat

هَيَّا نَلْعَبُ

### MARI KITA BERMAIN

سلمان : أَنَا أَفْضَلُ لُعْبَةَ كُرَّةِ الْيَدِ. مَاذَا تُفَضِّلِينَ مِنَ اللَّعِبَةِ؟

Salman: Saya gemarkan permainan bola baling. Apakah jenis permainan yang awak gemari?

حليمة : أَنَا أَفْضَلُ لُعْبَةَ كُرَّةِ السَّلَّةِ. وَكَيْفَ أَنْتَ يَا مَحْمُودُ؟

Halimah: Saya gemarkan permainan bola jaring. Bagaimana dengan awak wahai Mahmud?

محمود : أَنَا أَفْضَلُ لُعْبَةَ كُرَّةِ الطَّائِرَةِ. هِيَ لُعْبَةٌ مُدْهِشَةٌ!

Mahmud: Saya gemarkan permainan bola tampar. Ia permainan yang mengagumkan!

سلمان : وَلَكِنَّ، أَلَمْهُمْ أَنْ نُمَارِسَ الرِّيَاضَةَ لِصِحَّةِ جِسْمِنَا.

Salman: Akan tetapi, yang penting kita berlatih sukan untuk kesihatan diri.

حليمة ومحمود : بِالتَّكْيِيدِ، قَوْلُكَ صَحِيحٌ!

Halimah dan Mahmud: tepat sekali, kata-kata awak betul!

### كَامُوسُ : الْمُعْجَمُ

Bola Tampar : كُرَّةُ الطَّائِرَةِ Awak gemari (P): تَفَضَّلِينَ

Mengagumkan : مُدْهِشَةٌ Saya gemari: أَفْضَلُ

Bola jaring: كُرَّةُ السَّلَّةِ Bola Jaring: كُرَّةُ الْيَدِ

## SIDANG REDAKSI

### PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam  
(Ketua Menteri Melaka)

### PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad  
(Timbalan Pengerusi MAIM)

### PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad  
(Pegarah JAIM)

### KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad  
Bin Hashim Al-Hafiz  
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

### EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman  
(Bilal Satu)

### PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim  
(Imam Satu)

### SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad  
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid  
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat  
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar  
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah  
(Penyambut Tetamu)

## JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz  8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

<< < sambungan dari m/s 3

berserah diri, maka mereka akan didatangi oleh bala tentera yang tiada tandingannya.

Hudhud membawa surat Nabi Sulaiman itu untuk diberikan kepada Balqis di kerajaan Sabah Hudhud berhenti pada tingkap Balqis dan melemparkan surat itu ke atas katilnya. Balqis mengambil surat itu.

Setelah membacanya, dia menjadi gementar. Dia kumpulkan para penasihat kerajaan. Kepada mereka dia berkata: "Aku baru saja menerima surat dari Sulaiman. Surat itu dimulakan dengan *Bismilahirrahmanirrahim*. Sedangkan isinya mengajak kita untuk berserah diri. Oleh sebab itu, berilah aku keputusan dalam urusanku ini. Aku tidak pernah memutuskan sesuatu persoalan sebelum kamu berada di dalam majlis ini."

Dengan sombong, para penasihat itu menjawab: "Kita adalah orang-orang yang mempunyai kekuatan dan keberanian yang kuat. Kita tidak takut akan satu ancaman. Namun keputusan berada di tangan kamu. Apapun keputusan yang terbaik bagi engkau, kami setia mengikut." Balqis berkata: "Wahai para penasihat, aku tahu kebiasaan raja-raja, iaitu jika mereka memasuki satu negeri bersama pasukannya, selalu saja membuat kerosakan. Mereka menjadikan penduduk yang mulia jadi hina. Aku takut jika Nabi Sulaiman benar-benar melaksanakan ancamannya itu. Jika memang demikian, bencana akan melanda

kita. Bagaimana pendapat kamu jika kita mengirim hadiah. Kita lihat sama ada benar atau tidak ancaman itu. Barangkali hadiah yang kita kirim diterima Nabi Sulaiman sehingga dia tidak jadi menyerang kita."

Benar, mereka mengirim hadiah kepada Nabi Sulaiman. Setelah hadiah yang dikirim itu sampai, Sulaiman bangkit dari tempat duduknya dengan marah. Dia berkata: "Apakah patut kamu menolong aku dengan harta? Apa yang diberikan Allah S.W.T. kepadaku lebih baik dari apa yang diberikan-Nya kepada kamu. Namun, kamu berasa bangga dengan hadiah itu."

*Sulaiman meneruskan kata-katanya: "Kembalilah kepada mereka sungguh kami akan mendatangi mereka dengan bala tentera yang mereka tidak kuasa melawannya dan pasti kami akan mengusir mereka dari negeri itu (Saba) dengan terhina dan mereka menjadi (tawanan-tawanan) yang hina dina."*

(An-Naml: 37)

*Bersambung di minggu hadapan*

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

**30.1.2009 - RM 5,581.00**

**PERINGATAN :**

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI

Diterbitkan oleh : Masjid Al-Azim Negeri Melaka.  
Rekabentuk berkomputer dan dicetak oleh : Percetakan Surya Sdn. Bhd.